

PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI MASJID NEGERI JOHOR DALAM MEMBENTUK PERIBADI UMAT ISLAM

Studies Of The Qur'anic Interpretation At Mosques In Johor Which Individualized Muslims

Mohammad Haziq Mohd Isninⁱ & Abdul Hafiz Abdullahⁱⁱ

ⁱ. Calon Sarjana Falsafah (Generik), Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM, Skudai, Johor.

Emel: mohammad.haziq@graduate.utm.my

ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM, Skudai, Johor.

Emel: abhafiz@utm.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Institusi masjid merupakan tempat ibadah khusus bagi umat Islam, selain dapat menjalinkan hubungan silaturahmi secara akrab sesama jemaah, masjid juga merupakan institusi yang menganjurkan pengajian tafsir al-Quran secara komprehensif. Kajian ini dijalankan di dua buah masjid negeri Johor, iaitu Masjid Sultan Abu Bakar dan Masjid Jamek Bandar Baru Uda Johor Bahru. Pengajian tafsir al-Quran di masjid dapat membentuk akhlak yang terpuji di samping dapat mendekatkan diri kepada Allah. Kertas kerja ini akan menghuraikan mengenai pengajian tafsir al-Quran di masjid dan impaknya dalam membentuk keperibadian dan budaya muslim yang unggul berteraskan al-Quran, ini termasuk sumbangan institusi masjid dalam mendepani cabaran semasa. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang berteraskan kepada kajian kepustakaan. Kaedah utama yang digunakan ialah temu bual dan pemerhatian turut serta. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengajian tafsir al-Quran yang dianjurkan di masjid berjaya membentuk dan mendidik keperibadian muslim ke arah mencapai kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat. Seharusnya</i></p>	<p><i>The institution of mosques is a special place for Muslims. In addition to being able to establish familiarity relationships with fellow pilgrims, the mosque is also an institution that advocates the Studies of the Qur'anic interpretation of the Quran. This study was conducted at two mosques, the Sultan Abu Bakar Mosque and Bandar Baru Uda Mosque in Johor Bahru. Studies of the Qur'anic interpretation in the mosque can pursue an ideal of individual and become closer to God. This paper will elaborate on the Studies of the Qur'anic interpretation at the mosque and its impact in a superior Muslim personality and culture based on the Qur'an, including the contribution of the mosque institution in meeting the current challenges. This is qualitative studies which basis to libraries research. The main method used is an interview and observation. The results showed that the Qur'anic Tafsir Studies organized at the Mosque managed to form and educate Muslim personality towards achieving the world's life and hereafter. The Studies of Tafsir In the mosque included the latest issues that occurred among the people</i></p>

<p><i>pengajian tafsir di masjid menyelitkan isu-isu terkini yang berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini, agar al-Quran lebih dekat di hati umat Islam.</i></p>	<p><i>today, in order for the Qur'an to be closer to the hearts of Muslims.</i></p>
<p>Kata kunci: Pengajian Tafsir al-Quran, Masjid Negeri Johor, Peribadi Umat Islam</p>	<p>Keyword: Quran interpretation studies, mosque in Johor, individual Muslim</p>

PENGENALAN

Pengajian al-Quran merupakan perkara asas dalam pendidikan Islam yang mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1400 sehingga 1511 Masihi, melalui pembentukan oleh Kerajaan Melayu Melaka. Pengajian tafsir al-Quran dilakukan secara tidak formal di kalangan umat Islam berbanding dengan ilmu lain pada kedatangan Islam di Tanah Melayu. Namun pengajian tafsir al-Quran mula dilaksanakan terutamanya di institusi pondok dan tertumpu kepada pelajar yang mengikuti pengajian agama Islam. Tokoh ulama pertama yang melopori pengajian tafsir al-Quran di Nusantara, iaitu Sheikh Abdul Rauf Al-Fansuri Al-Singkeli yang berasal daripada Wilayah Pantai Laut Aceh Indonesia. Beliau telah menghasilkan senaskah kitab tafsir al-Quran dan terawal di Nusantara berjudul *Tarjuma Al-Mustafid*. Seterusnya, Sheikh Abdul Malik bin Abdullah telah membuat penambahbaikan terhadap penulisan tafsir al-Quran yang dihasilkan oleh Sheikh Abdul Rauf Al-Fansuri Al-Singkeli dan mengembangkan pengajian tafsir al-Quran ke seluruh Tanah Melayu. Beliau merupakan seorang tokoh ulama terawal dalam mendirikan institusi pondok di Semenanjung Tanah Melayu bagi menanamkan ilmu pengetahuan terhadap pengajian tafsir al-Quran kepada masyarakat.

Pengajian tafsir al-Quran mula berkembang di institusi pengajian pondok di samping menjadikan pelbagai karya tafsir al-Quran berbentuk klasik sebagai teks serta bahan rujukan utama dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Zaman kontemporari, pengajian tafsir al-Quran mula diperkenalkan di seluruh institusi pengajian yang mengamalkan sistem pendidikan secara formal, seperti di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran turut disajikan melalui pelbagai karya yang berbentuk moden dan persembahan metodologi secara efektif. Hasil daripada perkembangan moden terhadap pengajian tafsir al-Quran, dilihat ramai masyarakat terutamanya pada peringkat muda, pertengahan serta warga emas mula meminati majlis-majlis ilmu terutamanya dalam pengajian tafsir al-Quran yang dijalankan di masjid negeri Johor.

Pengajian tafsir al-Quran sudah mulai berkembang di seluruh institusi masjid serta dapat dilihat bahawa peranannya dalam membentuk keperibadian muslim selaras dengan contoh tauladan yang dibawa oleh Nabi

Muhammad SAW. Dalam konteks ini, institusi masjid berperanan tinggi sebagai pusat utama dalam penyebaran ilmu terutamanya dalam bidang penafsiran al-Quran. Masyarakat pada hari ini sudah mulai sedar dan memberikan perhatian khusus terhadap institusi masjid sebagai medium utama dalam menjalankan aktiviti dakwah. Peranan penyampai penafsiran al-Quran dan institusi masjid dilihat mempunyai suatu tanggungjawab besar dalam membentuk umat Islam agar ia dapat diselaraskan melalui pembentukan modal insan rabbani. Ciri-ciri pembentukan *Insan Rabbani* haruslah berpandukan kepada pengajaran yang terkandung dalam al-Quran. perkara ini perlu diteladani oleh seluruh umat Islam bagi mencontohi akhlak yang dibawa oleh Rasul-rasul terdahulu.

CIRI-CIRI KEPERIBADIAN UNGGUL UMAT ISLAM MENURUT AL-QURAN

Islam merupakan suatu agama yang diutuskan oleh Allah SWT kepada seluruh umat bermula pada zaman Nabi Adam AS sehingga Nabi Muhammad SAW. Mengucap dua kalimah syahadah maka ia sudah digelar sebagai seorang muslim serta terikat dengan tuntutan dan peraturan yang terkandung dalam agama Islam disamping, perlu mengikut segala bentuk kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Menurut sumber dari penafsiran al-Quran, Allah SWT telah mengklasifikasikan individu muslim kepada tiga golongan berdasarkan kepada tahap keislaman dan kepatuhan secara khusus dalam kehidupan. Firman Allah SWT:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ ۗ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ ۖ يُؤْتِنَ اللَّهُ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ۝ ٣٢

Terjemahnya: Kemudian Kami jadikan Al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).

(Surah Faatir, 35: 32)

Muhammad Abdullah (2017) menyatakan bahawa sesuatu sifat dalam keperibadian bagi seseorang muslim terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu muslim yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri, muslim yang mempunyai sifat kesederhanaannya dalam kehidupan dan muslim yang bersegera dalam melakukan amal kebaikan serta kebajikan. Perkara ini dapat disimpulkan bahawa terdapat setiap individu muslim yang tergolong dalam salah satu daripada ciri-ciri yang dinyatakan tersebut. Menurut Ahmad Kilan @ Ahmad

Kilani Mohamed *et al.* (2013) menjelaskan bahawa muslim yang sentiasa melakukan kezaliman ke atas dirinya sendiri adalah muslim yang tidak mempunyai pegangan kuat terhadap pegangan agama Islam. Sebagai seorang muslim disarankan agar sentiasa melakukan *tajdid* niat terhadap tujuan hidup di dunia adalah dengan mengumpulkan amal kebajikan bagi bekalakan di akhirat kelak agar hidup sentiasa diberkati oleh Allah SWT. Berikut pembentukan ciri-ciri keperibadian unggul yang harus diamalkan oleh seluruh umat Islam dengan melalui penafsiran al-Quran.

Takwa

Definisi takwa menurut Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed *et al.* (2013) iaitu sentiasa berjaga-jaga dalam apa jua keadaan dan meninggalkan sesuatu yang tidak dikehendaki oleh agama Islam dalam menjurus kepada perkara berbentuk tegahan dan kemaksiatan. Sifat takwa merupakan suatu lambang keimanan bagi seseorang muslim yang sejati dan sentiasa menjaga hubungan baik kepada Allah SWT serta sesama makhluknya. Ciri-ciri sifat takwa bagi seseorang muslim berdasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah akan memperolehi kebahagiaan serta kerjayaan di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ وَمَنْ يُعِظَّمْ شَعِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ۝ ٣٢

Terjemahannya: Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati Syiar-syiar agama Allah maka (dia lah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin.

(Surah al-Hajj, 22:32)

Menurut Muhammad Abdullah (2017) berdasarkan ayat di atas bahawa sifat takwa merupakan ciri-ciri bagi seseorang muslim sejati dan sentiasa tunduk serta patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sifat takwa adalah sesuatu lambang atau simbolik bagi seseorang individu muslim melalui keteguhan iman di hati sanubari. Umumnya umat Islam masih belum memahami definisi takwa serta kepentingannya terhadap masa depan ummah, walhal pada setiap hari Jumaat umat Islam sering diperingatkan serta diseru oleh khatib agar sentiasa bertakwa atau ketaaatan kepada Allah SWT.

Sifat takwa menurut pengertian al-Quran adalah menunaikan segala yang diperintahkan oleh Allah SWT terhadap kewajipan bagi seseorang muslim (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2006). Meninggalkan segala bentuk larangan adalah suatu pengertian umum bagi umat Islam agar terselamat dari balasan buruk terhadap perbuatan yang dilakukan di dunia. Pengertian bagi sifat takwa perlu dihayati dan difahami oleh umat Islam agar ia sentisa berada dilandaskan yang tepat dalam kehidupan. Mendekati majlis-majlis ilmu, seperti pengajian tafsir al-Quran yang dianjurkan oleh institusi masjid dapat memberikan kesan baik terhadap diri umat Islam dan mendidik diri dalam

melakukan sesuatu perkara berbentuk kebaikan dengan berlandaskan kepada al-Quran.

Umat Islam disaran agar sentiasa membina landasan takwa dengan melalui pelbagai unsur pendidikan berdasarkan kepada pengisian dalam penafsiran al-Quran. Hakikatnya, senario dalam masyarakat umat Islam pada hari ini cukup menyedihkan dengan kehinaan dan kemunduran yang berlaku (Shaikh Ali Mohammad Mokhtar, 1997) . Ia turut melingkari dalam setiap ruang-ruang dalam kehidupan manusia. Sifat ketakwaan perlu disemai dalam sanubari umat Islam dengan mendampingi para alim ulama. Mengikuti pengajian tafsir al-Quran yang dianjurkan oleh masjid-masjid dapat membantu umat Islam dalam membentuk keperibadian unggul agar menjadi sempurna. Corak dalam sesuatu kejayaan umat Islam adalah bermula daripada pembentukan diri melalui sumber yang terdapat dalam penafsiran al-Quran agar umat Islam dapat memahaminya dengan jelas serta dapat mengamalkannya.

Beriman dan Beramal Soleh

Sifat keimanan setiap individu merupakan suatu proses kepatuhan diri kepada Allah SWT dan ia sentiasa berkait rapat dengan perihal hati, jiwa dan rohani. Kaedah lain bagi melihat keteguhan iman adalah dengan mengerjakan amal ibadah secara bersungguh-sungguh dalam apa jua bentuk dalam kehidupan. Iman dan amal soleh adalah sesuatu cabang yang tidak dapat dipisahkan dalam Islam. Ia merupakan tonggak utama bagi menjulang agama Islam sebagai ad-Din. Agama Islam adalah bersifat syumul iaitu sempurna dalam mencakupi segala bentuk khususnya kepada manusia. Perbuatan beriman serta beramal soleh merupakan sebahagian ciri-ciri dalam membentuk keperibadian umat Islam melalui pengajian tafsir al-Quran. Firman Allah SWT:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ۚ ٤٦

Terjemahnya: Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya.

(Surah Fussilat, 41: 46)

Berdasarkan daripada surah Fussilat ayat ke 46 Ali Bin Abu Talhah (2015) menjelaskan bahawa Allah SWT mengangkat iman dan amal soleh sebagai kriteria utama teras kejayaan seseorang. Ini bertujuan bagi memartabatkan kembali umat Islam sebagai khalifah yang akan memakmurkan muka bumi ini. Iman dan amal soleh merupakan aspek utama dalam pembentukan umat Islam sejati. Kefahaman mengenai iman dan amal perlu bersandarkan melalui al-Quran dan as-Sunnah agar ia tidak tersasar jauh

dari landasan Islam sebenar. Definisi iman adalah yakin serta ikhlas, iaitu sebuah ikatan tulus dan kasih sayang kepada Allah SWT. Oleh itu, hanya Allah SWT sahaja yang berhak disembah dan dipinta pertolongan serta dipanjatkan untuk berdoa. Allah memiliki segala sifat kesempurnaan berbanding dengan sekalian makhluknya. Sifat kudrat yang ada dalam diri makhluk adalah lemah dan terbatas. Meminta sebarang bentuk pertolongan selain daripada Allah SWT adalah suatu perkara yang dilarang dan dapat menyebabkan berlaku kegelincihan iman bagi umat Islam.

Tanda keimanan yang sebenar pada diri seseorang umat Islam, iaitu meletakkan Allah di sudut hatinya serta ditejemahkan melalui lidah yang melafazkan keimanan, ketundukkan kepadaNya dengan melalui anggota tubuh badan serta sujud dengan penuh rendah diri. Perbuatan amal soleh dalam agama Islam adalah tertegak di atas dua paksi, iaitu paksi menegak membawa maksud hubungan yang terjalin antara hamba dengan Allah SWT dalam menunaikan segala perintah dan menjauhi larangannya. Paksi seterusnya adalah mendatar dan menyaksikan segala perhubungan dengan manusia dalam segala aspek kehidupan. Amalan ini ditegakkan di atas tali persaudaraan dan perhubungan kasih sayang yang kukuh. Agama Islam adalah bercirikan sebuah rahmat kepada sekalian alam dan akan menghembuskan nilai-nilai kebahagiaan serta kesejahteraan sejati bagi umat Islam.

Bersyukur dalam Kehidupan

Amalan bersyukur antara suatu perkara yang dituntut dalam kehidupan umat Islam, disamping tanda syukur atas segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambanya. Setiap umat Islam seharusnya memanjatkan rasa syukur keatas nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Hal ini, bertepatan menerusi Firman Allah SWT menerusi ayat al-Quran:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُون ۝ ١٥٢

Terjemahannya: Oleh itu, ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).

(Surah al Baqarah 2, 152)

Menurut Imaduddin Abu Al-Fida' Isma'il Bin Umar Bin Kathir (2015) menyatakan mengenai ayat di atas bahawa setiap individu muslim dituntut agar sentisa bersyukur atas nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada setiap hamba-hambanya. Bahkan terdapat segelintir hambanya yang menzahirkan tanda syukur keatas segala nikmat diberikan. Konsep bersyukur adalah luas dari sudut pengertiannya serta sesuai dengan fitrah agama Islam

yang bersifat syumul, iaitu kesempurnaan. Sifat kesempurnaan ini merangkumi segala aspek dalam kehidupan manusia dan erti syukur harus diterjemahkan melalui realiti kehidupan samada perkataan dan amal ibadat.

Perbuatan syukur merupakan sebahagian daripada amal ibadat yang disyariatkan oleh agama Islam. Ia tergolong antara sifat-sifat utama dalam membentuk peribadi umat Islam yang bertakwa, seperti menyingkap sejarah kebangkitan dan kemajuan dalam setiap bangsa serta kehancuran terhadap kebinasaan umat terdahulu. Hal ini, turut dirakamkan dalam al-Quran sebagai suatu peringatan kepada seluruh umat pada masa akan datang. Kisah kaum Saba' yang terpahat dalam lipatan sejarah Islam merupakan suatu bentuk pengajaran yang perlu diambil iktibar oleh seluruh umat Islam mengenai kekufuran dan keingkaran terhadap perintah Allah SWT. Perkara ini turut dirakamkan dalam al-Quran:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ ١٥ فَأَعْرَضُوا فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ الْعَرِمِ وَبَدَّلْنَاهُمْ بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتِي أُكُلٍ حَمْطٍ وَأُتْلٍ وَشَيْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ ١٦ ذَلِكَ جَزَيْنَاهُمْ بِمَا كَفَرُوا وَهَلْ نُجْزِي إِلَّا الْكَافِرَ ١٧

Terjemanyanya: Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!. Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara. Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka; dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang amat kufur.

(Surah Saba' 34, 15-17)

Jalaluddin Al-Suyuti (2003) menjelaskan pada ayat di atas mengenai sifat syukur yang perlu wujud dalam diri umat Islam. Umat Islam juga disarankan agar tidak mengikuti jejak langkah mengenai sejarah yang berlaku pada kaum saba' yang akhirnya turut membinasakan dirinya sendiri ke atas perbuatan yang dilakukan itu. Keadaan ini berbeza dengan dengan orang-orang beriman yang sentiasa menzahirkan tanda syukur kepadaNya.

Sifat ini perlu dipupuk dalam kehidupan seharian supaya memperolehi rahmat serta ganjaran daripada Allah SWT.

KATEGORI MASJID DI NEGERI JOHOR

Institusi masjid merupakan suatu lambang utama dalam menjana kegemilangan bagi umat Islam dalam merialisasikan perkembangan pendidikan di sepanjang zaman. Perkembangan institusi masjid dilihat mampu membentuk peribadi umat Islam dan sebagai agen dalam menyampaikan syariat kepada manusia terhadap agama Islam melalui pelbagai bentuk, seperti aktiviti keagamaan dan sosial. Bilangan institusi masjid di negeri Johor mempunyai pelbagai kategori bagi memudahkan proses pemfokusan serta pengurusan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor JAINJ terhadap operasinya agar lebih terarah. Menurut Mohd Taufik Dato' Haji Shamsudin (2021) statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM menyatakan bahawa bilangan masjid yang terdapat di negeri Johor adalah sebanyak 822 buah. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2015) menjelaskan bahawa negeri Johor menduduki tempat pertama dalam bilangan masjid terbanyak di semenanjung dan kedua di Malaysia selepas wilayah Sabah. Berikut merupakan ketegori masjid yang terdapat di negeri Johor:

Masjid Kerajaan

Masjid ini dianggap sebagai masjid utama yang terdapat di setiap daerah negeri Johor. Kebiasaanya masjid ini terletak di tengah-tengah pusat bandar atau tempat yang strategik. Masjid ini memiliki prasarana yang lengkap meliputi sudut pentadbiran dan pembangunan. Gaji kakitangan masjid dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Johor melalui JAINJ dan imam yang mempunyai kelayakkan akademik sama ada Ijazah atau Diploma dalam pengkhususan tahfiz al-Quran. Ahli kariah masjid ini terdiri daripada golongan pelbagai status atau latar belakang pendidikan dan sosial ekonomi. Jadual pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran turut disusun serta disediakan oleh JAINJ bahagian pengurusan masjid dan surau.

Masjid Kariah

Masjid kariah atau dikenali sebagai masjid mukim kebiasaanya terletak antara perkampungan atau mukim di sesuatu kawasan yang mempunyai penduduk tetap. Saiz masjid ini adalah berdasarkan kepada populasi penduduk Islam setempat. Antara ciri-ciri utama yang terdapat pada kategori dalam masjid ini, iaitu boleh menjalankan ibadah solat Jumaat dan tempat melakukan aktiviti sosial berbentuk kemasyarakatan. Antaranya program yang berbentuk kemasyarakatan seperti program gotong royong bersama penduduk, program penyembelihan korban serta budaya. Manakala pengajaran dan pembelajaran

pengajian tafsir al-Quran ditetapkan oleh biro kerohanian bersama ahli jawatankuasa masjid.

Masjid Institusi

Masjid institusi merupakan suatu masjid yang di kawal selia oleh setiap institusi pengajian yang ada di negeri Johor, seperti Masjid Universiti Teknologi Malaysia UTM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia UTHM, Universiti Teknologi Mara Malaysia UITM dan Institut Kemahiran Belia Negara IKBN. Sistem pentadbiran dan prasarana dalam masjid ini dipertanggungjawabkan oleh institusi pengajian melalui pusat Islam. Kakitangan masjid ini mempunyai kalayakan akademik, seperti Ijazah Sarjana Muda, Diploma Tahfiz dan ia turut dibiayai oleh institusi pengajian. Ahli kariah di institusi masjid institusi ini adalah dikalangan para pelajar dan staf institusi pengajian. Tenaga pengajar dalam pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran adalah dikalangan para pensyarah akademik.

Di sebalik semua itu, pastinya kategori masjid yang diwujudkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor JAINJ mampu memberikan pengurusan yang relevan terhadap perkembangan masjid institusi. Ini akan memberikan kesan terhadap pemembentukan peribadi umat Islam menerusi pengajian tafsir al-Quran yang diadakan masjid institusi di negeri Johor. Realiti itu perlu digarap kembali oleh semua pihak dalam menjaga institusi masjid sebagai pusat pendidikan ulang melalui kategori institusi tidak formal, disamping dapat menyediakan perancangan yang berkualiti ke arah bersistematik.

PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI INSTITUSI TIDAK FORMAL NEGERI JOHOR

Institusi pendidikan formal di negeri Johor menawarkan pengajian tafsir al-Quran secara sistematik bermula dari sekolah rendah agama sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Institusi pendidikan berbentuk formal di negeri Johor yang menjadikan pengajian tafsir al-Quran sebagai sukatan penting dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor SAKNJ, Sekolah Menengah Tinggi Arab (Mahaad Johor), Kolej Islam Johor MARSAH, iaitu diploma Usuluddin dan Universiti Teknologi Malaysia UTM melalui program di peringkat diploma serta ijazah sarjana muda dalam pengkhususan pendidikan pengajian Islam. Selain itu, pengajian tafsir al-Quran turut dijalankan dalam kalangan masyarakat menerusi institusi pengajian tidak formal, seperti di pondok dan masjid. Sistem pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah tidak formal dilihat telah mula berkembang seawal kedatangan agama Islam di negeri Johor.

Situasi pengajian tafsir al-Quran di negeri Johor menjadikan institusi masjid dan pondok sebagai pusat penyebaran ilmu agama kepada masyarakat umum. Antara masjid yang aktif sebagai pusat ibadah dan pengajian ilmu tertua termasuk pengajian tafsir al-Quran di negeri Johor adalah Masjid Sultan

Abu Bakar yang didirikan pada tahun 1892. Menurut Abd Latif Juffri @ Al-Jufri *et al.* (2010) antara tokoh yang menyampaikan pengajian tafsir al-Quran di Masjid Sultan Abu Bakar Johor Bahru, iaitu Dato' Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz, Dato' Haji Omar Bin Muhammad Yusuf, Kiyai Haji Sohali Bin Solihin, Ustaz Adam Bin Ibrahim dan Ustaz Mohd Bukharuddin Bin Ismail. Golongan yang mengikuti pengajian tafsir al-Quran ini terdiri daripada pelajar Mahad Johor, Marsah dan masyarakat setempat.

Menurut Mohd Rifqi Myiddin (2021) metodologi pengajian tafsir al-Quran yang digunakan oleh dua buah masjid di negeri Johor, iaitu Masjid Sultan Abu Bakar dan Masjid Jamek Bandar Baru Uda Johor bahru adalah secara bertalaqqi. Guru akan menghuraikan kitab pengajian tafsir al-Quran sambil pendengar menyemak atau mencatat nota. Bentuk pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran di masjid ini adalah secara membaca teks dan secara umum. Bentuk pengajian ini tidak terikat dengan kitab tafsir al-Quran tertentu namun masih mengekalkan kitab tafsir muktabar sebagai rujukan utama. Kaedah ini, dilihat sesuai dengan keadaan masyarakat di bandar yang umumnya mempunyai latar belakang berpendidikan, disamping memberikan peluang kepada masyarakat untuk hadir dalam mempelajari atau mengenali kitab-kitab lama dan kitab moden dalam pengajian tafsir al-Quran.

Mohd Taufik Dato' Haji Shamsudin (2021) menyatakan setiap masjid di negeri Johor telah disediakan seorang atau dua guru *ta'mir* bagi menyampaikan pengajian tafsir al-Quran di masjid tersebut dan gaji guru-guru *ta'mir* akan dibayar oleh pihak JAKIM. Selain daripada itu, pihak pengurusan masjid turut menjemput guru daripada luar untuk menyampaikan pengajian tafsir al-Quran secara berkala mengikut ketetapan jadual yang telah ditetapkan. Sukatan pengajian tafsir al-Quran adalah bergantung kepada guru tersebut. Kitab pengajian tafsir al-Quran yang digunakan di Masjid Jamek Bandar Baru Uda Johor Bahru, iaitu *Ibnu Kathir* dengan membahasakan keterangan al-Quran bermula surah al-Fatihah sehingga surah An-Nas. Masjid Sultan Abu Bakar Johor Bahru mengguna pakai kitab pengajian tafsir al-Quran berjudul Mutiara al-Quran atau Pimpinan Rahman.

Pengajian tafsir al-Quran yang dijalankan secara tidak formal merupakan suatu inisiatif para ulama dalam mengembangkan pengajian tafsir al-Quran di seluruh masjid negeri Johor bagi mewujudkan budaya ilmu serta sebagai lambang syiar agama Islam. Amalan ini bertujuan bagi membuka peluang kepada masyarakat di negeri Johor dalam menguasai ilmu dalam bidang penafsiran al-Quran secara percuma. Perjuangan yang dilakukan oleh para ulama terdahulu dan kontemporari adalah sebagai membantu masyarakat tempatan dalam memahami ajaran yang terdapat dalam tafsir al-Quran serta membebaskan diri daripada terjebak dalam melakukan sebarang perkara berbentuk khurafat dan bidaah yang boleh menjejaskan perinsip akidah umat Islam.

IMPLIKASI MENGIKUTI PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI MASJID TERHADAP PEMBENTUKAN PERIBADI UMAT ISLAM

Penubuhan institusi masjid khususnya di negeri Johor mempunyai peranan dalam membentuk keperibadian umat Islam ke arah keperibadian cemerlang (Abdul Hafiz Abdullah *et al.*, 2020). Amalan ini terhasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran yang dianjurkan. Selain itu, dapat membina jati diri umat Islam yang berketerampilan tinggi agar dapat menghasilkan produktiviti melalui ajaran daripada al-Quran. Ini bertepatan dengan kenyataan yang dibuat oleh Mohd Taufik Dato' Haji Shamsudin (2021) mengenai implikasi terhadap pengajian tafsir al-Quran melalui institusi masjid di negeri Johor ke arah pembentuk peribadi umat Islam, antaranya adalah:

- i. Melahirkan umat Islam berpengetahuan tinggi dalam kehidupan dengan berpandukan kepada pengajaran yang terkandung melalui pengajian tafsir al-Quran.
- ii. Mendidik jiwa pendengar agar hatinya sentiasa dekat kepada penafsiran al-Quran dan menjadikan ia sebagai suatu amalan seharian.
- iii. Menghindarkan diri daripada terjebak dalam melakukan perkara yang berbentuk kemungkaran sehingga menyebabkan agama Islam tidak dipandang oleh agama lain.
- iv. Membentuk jati diri umat Islam agar dapat melahirkan budaya kerja yang cemerlang dalam pelbagai bidang.
- v. Melatih jiwa pendengar agar hatinya sentiasa mengunjungi rumah ibadat bagi mengukuhkan perpaduan dikalangan umat Islam.
- vi. Membantu pendengar dalam memahami pengajian tafsir al-Quran agar dapat memberikan kesan positif terhadap pembentukan peribadi umat Islam.
- vii. Pengajian tafsir al-Quran dapat melahirkan umat Islam yang sentiasa patuh pada perintah Allah SWT dan membuat keputusan dengan berlandaskan kepada syariat.

Implikasi dalam mengikuti pengajian tafsir al-Quran yang dianjurkan oleh institusi masjid di negeri Johor mempunyai pelbagai ciri dalam membentuk peribadi umat Islam. Hal ini, akan dapat menjamin kesejahteraan dalam menjadikan peranan institusi masjid ke arah perkembangan utama dalam pengajian tafsir al-Quran di negeri Johor

MATLAMAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI INSTITUSI MASJID NEGERI JOHOR.

Sebagaimana sedia maklum bahawa setiap institusi masjid yang wujud di negeri Johor mempunyai matlamat khusus dalam menjalankan sistem pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran bagi membentuk peribadi umat Islam (Abdul Hafiz Abdullah *et al.*, 2021). Tujuan utama adalah bagi melahirkan pendengar yang mampu untuk menguasai bidang penafsiran

al-Quran dengan sempurna meliputi ilmu asas, berhubung ilmu bahasa arab, ilmu nahu, ilmu saraf, ilmu balaghah dan ilmu asbab al-Nuzul. Oleh itu, matlamat utama pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran adalah:

- i. Mendidik pendengar agar dapat memahami ilmu berkaitan balaghah dan kisah-kisah yang bertentangan dengan syariat Islam, seperti perbuatan menyekutukan Allah SWT.
- ii. Membantu dalam memberikan bimbingan dikalangan masyarakat agar dapat menyelesaikan masalah yang berkaitan kekeluargaan, akidah, hukum hakam dan sosial.
- iii. Menyemai sifat ketakwaan dan keimanan diri kepada Allah SWT agar sentiasa berpegang teguh kepada ajaran dalam agama Islam menerusi al-Quran.
- iv. Melebar luaskan pengajian tafsir al-Quran di seluruh institusi masyarakat dalam Islam khususnya di negeri Johor.
- v. Memberikan pendedahan kepada masyarakat konsep pengajaran dan pembelajaran mengenai penafsiran al-Quran agar ia dapat memahaminya dengan baik.

Matlamat utama dalam pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-Quran bertujuan bagi mempamerkan keindahan al-Quran dari segi gaya bahasa, sejarah para nabi terdahulu dan pengajaran. Kaedah ini merupakan suatu perkara penting dalam memastikan masyarakat di negeri Johor dapat memahami bentuk penafsiran al-Quran secara menyeluruh dan memberikan manfaat ilmu yang berguna dalam mencerminkan pembentukan peribadi umat Islam.

PENUTUP

Pengajian tafsir al-Quran yang dijalankan di masjid mampu memberikan bimbingan serta pendedahan kepada umat Islam dalam membentuk keperibadian unggul dengan melalui pengajaran daripada al-Quran. Kategori masjid yang terdapat di negeri Johor merupakan suatu ikonik kepada pihak pengurusan masjid oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor JAINJ dalam mentadbir urus seluruh masjid agar ia menjadi tersusun dan terarah. Selain institusi masjid sebagai tempat utama bagi umat Islam melaksanakan ibadah, pihak JAINJ juga berhasrat agar dapat menjadikan institusi ini sebagai hub pendidikan utama melalui perkembangan ilmu sepanjang hayat. Kepelbagaian program ilmu yang direncanakan dengan kerjasama oleh pihak JAINJ dan pengurusan masjid melalui institusi pendidikan secara tidak formal dapat membantu masyarakat untuk menguasai pelbagai bidang ilmu, terutamanya pengajian tafsir al-Quran. Seterusnya mampu untuk mencapai matlamat serta perkembangan ilmu melalui pengajaran dan pembelajaran pengajian tafsir al-

Quran yang dilaksanakan oleh institusi masjid di negeri Johor. Maka kesan daripada itu, akan melahirkan umat Islam yang berdaya saing serta membentuk generasi ulama pewaris para nabi.

RUJUKAN

- Abd Latif Juffri @ Al-Jufri, & Masnorindah Mohd Masry. (2010). *40 Tokoh Ulama Johor*. Skudai: Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Ugama Malaysia Barat.
- Abdul Hafiz Abdullah, & Mohammad Haziq Mohd Isnin. (2020). Pendidikan Pondok Sebagai Institusi Pengajian Tafsir Al-Quran Di Negeri Johor. In Baharom Kassim, Mustaffa Abdullah, Abd. Karim Ali & Nor 'Azzah Kamri (Penyunting.), *Pembedayaan Jaringan Strategik Ummah Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan*. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Abdul Hafiz Abdullah, & Mohammad Haziq Mohd Isnin. (2021). Metodologi Pengajian Tafsir Al-Quran Di Pondok Kiyai Haji Sohali Solihin (KHSS), Merlong, Rengit, Batu Pahat Johor. In Abdul Mukti Baharudin, Mohd Hasbie Al Shiddieque Ahmad, Zaidul Amin Suffian Ahmad & Wan Fakhru Razi Wan Mohamad (Penyunting.), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah*. Kajang: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed, & Yahaya Jusuh. (2013). *Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif al-Quran*. Skudai: UTM Press.
- Ali Bin Abu Talhah. (2015). *Tafsir Ibnu Abbas* (Rasyid Abdul Mun'im Ar Rajal, Terjemahan.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2006). *Membina Peribadi Muslim*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Imaduddin Abu Al-Fida' Isma'il Bin Umar Bin Kathir. (2015). *Tafsir Ibnu Katsir* (M.Abdul Ghoffar E.M & Abu Ihsan al-Atsari, Terjemahan.). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi.
- Jalaluddin Al-Suyuti. (2003). *Tafsir Jalalain versi Terjemahan Melayu* (Bahrun Abu Bakar, Terjemahan.). Bandung, Indonesia: Sinar Baru Algensindo.
- Mohd Rifqi Myiddin. (2021) *Metodologi Pengajian Tasfir Al-Quran /Interviewer: Mohammad Haziq Mohd Isnin*. Temu bual.
- Mohd Taufik Dato' Haji Shamsudin. (2021) *Institusi Masjid Negeri Johor/Interviewer: Mohammad Haziq Mohd Isnin*. Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid Negeri Johor, Temu bual.
- Muhammad Abdullah. (2017). *Tafsir Ibnu Katsir* (M. Abdul Ghaffar E.M & Abu Ihsan Al-Atsari, Terjemahan. 100 - 101 Ed. 7 ed.). Jakarta, Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Shaikh Ali Mohammad Mokhtar. (1997). *Peranan Masjid dalam Islam* Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Malaysia.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2015). *Memperkasakan Pengurusan Masjid*. Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.